

BAB 6 – IMBANGAN DUGA

1. Kenal pasti jenis kesilapan ketara berikut:

Situasi	Kesilapan
(i) Cek yang dikeluarkan untuk membayar gaji RM600 telah dikredit dalam Buku Tunai tetapi tidak direkod dalam Akaun Gaji	
(ii) Jualan secara tunai RM1 500 di kredit dalam Akaun Jualan dan juga di kredit dalam Buku Tunai	

2. Berikut adalah kesilapan yang berlaku dalam buku Perniagaan Yasmin.

Gaji sebanyak RM2 000 yang dibayar adalah termasuk Sewa dibayar sebanyak RM800.

- (i) Tunjukkan catatan pembetulan kesilapan dalam Jurnal Am.
- (ii) Nyatakan jenis kesilapan yang berlaku.

3. Maklumat berikut di peroleh daripada Wahid Trading yang mengamalkan sistem inventori berkala.

	RM
Stok awal barang niaga	28 500
Belian barang niaga	52 000
Kos jualan	70 000

Hitungkan jumlah stok akhir barang niaga?

4.

Tahun	Jualan	Kos Jualan	Untung kasar	Belanja kendalian	Hasil	Untung bersih
2012	RM39 087	X	RM17 757	RM5 502	RM500	Y

Nilai X =

Y =

5. Berikut ialah kesilapan yang dapat dikesan dalam Perniagaan Anjung:

Mac 31 - Belanja baiki kenderaan RM500 direkodkan dalam Akaun Kenderaan

Sediakan catatan dalam Jurnal Am untuk membetulkan kesilapan di atas. (abaikan keterangan)
